

**Berimej Rasuah Menyebabkan Pelabur Lakukan Hijrah Pelaburan - Sultan Azlan Bernama**  
**1 Oktober , 2011**

IPOH, 1 Okt (Bernama) -- Sultan Perak Sultan Azlan Shah bertitah pelabur tidak akan memiliki kepercayaan kepada sesebuah negara yang berimej rasuah dan akan melakukan penghijrahan pelaburan kerana persaingan sihat serta faktor kompetensi tidak diutamakan lagi.

Baginda bertitah ia akan mengakibatkan berlakunya aliran keluar modal tunai dan modal insan berkualiti kerana pelabur tidak lagi mempercayai bahawa kerjaya dan profesion mereka akan dapat berkembang serta meningkat di negara yang tidak tegas membanteras rasuah.

"Banyak negara jatuh dan mundur kerana amalan rasuah sudah tidak terkawal lagi. Banyak negara menghadapi situasi huru-hara berpunca daripada amalan rasuah di kalangan hampir setiap mereka yang berkuasa," titah baginda ketika merasmikan Kompleks pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Perak di Meru Raya di sini hari ini.

Titah baginda gejala rasuah akan menyuburkan budaya kepalsuan dan kepura-puraan, siasatan kejadian jenayah tidak lagi dilakukan bersungguh-sungguh, pendakwaan dan perbicaraan menjadi satu lakonan, agensi penguatkuasa sebagai simbol yang tidak berkuku, tender telus dan terbuka tidak lagi diamalkan manakala di arena sukan para penonton serta penyokong turut tertipu.

Baginda bertitah rasuah merupakan jenayah serius yang boleh mengakibatkan berlakunya ketidakadilan dan jika ia meresap dalam pentadbiran negara, mereka yang menghulur rasuah sahaja diberikan layanan untuk mendapatkan perkhidmatan, kemudahan serta lesen projek atau perniagaan.

Sultan Azlan bertitah rakyat wajib membantu setiap usaha menghapuskan rasuah dan menjadikan nilai-nilai murni berlandaskan moral dan agama sebagai pegangan hidup kerana tidak ada budaya serta agama yang membenarkan perbuatan rasuah.

"Uruskan gaya hidup tidak bermegah-megah, elakkan gaya hidup untuk menunjukkan kelebihan material, yang memerlukan belanja yang jauh mengatasi pendapatan halal," titah baginda.

Baginda bertitah usaha meningkatkan status agensi, meletakkan sasaran keberhasilan negara serta memperuntukkan undang-undang tertentu adalah langkah yang baik namun apa yang lebih penting ia perlu disusuli dengan tindakan tegas, bebas dan menyakinkan.

"Yang paling utama perlu ada kekuatan dan keazaman politik untuk memerangi rasuah, walaupun ada kalanya tindakan yang perlu diambil melibatkan kalangan orang dipercayai dan disayangi. Dalam memerangi rasuah, pagar senget yang membawa rebah tidak harus dikekalkan," titah baginda.

Langkah pencegahan perlu dipertingkatkan melalui pelbagai aktiviti penerangan dan yang lebih utama memastikan gaji dan imbuhan di kalangan petugas terutama yang memiliki kuasa pentadbiran serta penguatkuasaan mencukupi untuk membiayai keperluan harian mereka, titah baginda.

Menceritakan pengalaman baginda, Sultan Azlan berkata dalam menghadapi kes berat, pendirian profesional berpandukan undang-undang serta hasrat melindungi kepentingan negara, institusi dan rakyat di samping tanggungjawab kepada Allah swt hendaklah dijadikan asas dan pertimbangan.

"Hubungan peribadi dan emosi hendaklah diketepikan supaya keadilan dapat dilaksanakan dan kelihatan dilaksanakan, integriti mahkamah dipertahankan serta semangat kerja agensi penyiasat dan pendakwaan tidak dilemahkan," titah baginda.

Kompleks pejabat SPRM Perak bernilai RM24.7 juta yang siap sepenuhnya pada 29 Okt tahun lepas itu dilengkapi sebuah auditorium, dewan, gudang sita dan lokap.

Lebih menarik, kompleks SPRM Perak itu merupakan pejabat pertama agensi itu yang mempunyai kemudahan empat unit bilik rakaman percakapan saksi dan suspek berkamera video yang menjadi kaedah bagi menunjukkan kepada masyarakat ketelusan SPRM dalam menjalankan siasatan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=617076>